

Siri Kajian AZKA | 3/2019

# QADHA ZAKAT

Hukum dan Asas Kaedah Kiraan



**SIRI KAJIAN AZKA**  
**QADHA ZAKAT:**  
**HUKUM DAN ASAS**  
**KAEDAH KIRAAN**

---



## PENASIHAT

**Tn. Haji Ahmad Shukri Bin Yusoff**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pusat Pungutan Zakat

## EDITOR

**Mohamad Noor Sahidi Bin Johari**

**Muhsin Bin Nor Paizin**

Akademi Zakat (AZKA)

Pusat Pungutan Zakat

## KUMPULAN PENYELIDIK

**Muhamad Ismail Bin Abdullah**

**Abdul Hakim Bin Baharuddin**

**Dr. Mustaffa Bin Jusoh**

**Hamid Bin Mat Isa**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

© 2019 Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Wisma PPZ, 68-1-6,

Dataran Shamelin, Jalan 4/91,

Taman Shamelin Perkasa,

56100 Kuala Lumpur

Tel : 03-92895757

[www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my)

ISBN 978-967-17088-1-1

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanic, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher.

### Disclaimer

The views and opinions expressed in this research paper are solely those of the research team and do not necessarily represent the official views of the Pusat Pungutan Zakat.

## **Qadha Zakat: Hukum Dan Asas Kaedah Kiraan**

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima sebagaimana yang telah disabdarkan oleh Nabi s.a.w seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a:

***Maksudnya: Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan puasa dibulan Ramadhan (al-Bukhari, 1422H).***

Pelaksanaan rukun ini merupakan suatu kefardhuan yang tidak akan gugur daripada seorang mukallaf yang berakal lagi baligh. Seandainya ia diabaikan dengan sengaja atau cuai pada pelaksanaannya, tuntutan kewajipan masih belum luput sehingga ia ditunaikan dengan sempurna, sama seperti yang dilaksanakan dalam tempoh waktu kewajipannya yang asal.

Meninggalkan zakat termasuk dalam dosa-dosa besar. Bahkan saidina Abu Bakar al-Siddiq sendiri telah mengishtiharkan perang terhadap orang-orang arab yang enggan membayar zakat di zaman pemerintahan beliau. Keengganan melunaskan zakat bukan sahaja mengingkari hukum Allah serta menafikan hak para asnaf bahkan ia turut memberikan kesan negatif kepada sistem ekologi. Dalam sebuah hadis, Nabi s.a.w bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a:

***Maksudnya: Telah bersabda Rasullah s.a.w: "Lima dengan lima." Para sahabat bertanya: "Apa itu lima dengan lima?" Baginda menjawab: "Tiada suatu kelompok yang mengkhianati janji melainkan (akan menyebabkan) musuh menguasai mereka. Sebarang keputusan mereka yang bercanggah dengan wahyu yang diturunkan Allah, (akan menyebabkan) berleluasa kefikiran dalam kalangan mereka. Tiadalah kerosakan itu menjadi jelas pada mereka, kecuali (akan menyebabkan) berleluasa pada mereka kematian. Tiadalah mereka menipu timbangannya melainkan (akan menyebabkan) tanaman tidak menjadi dan mereka dihukum bertahun-tahun dan tidaklah mereka enggan membayar zakat melainkan (akan***

***menyebabkan) hujan tidak turun***  
***(al-Tabarani, 1994).***

Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian orang-orang Islam yang tidak serius dalam melaksanakan kewajipan berzakat. Sama ada disebabkan kecuaian, kesedaran yang rendah atau kejihilan, harta-harta yang telah cukup syaratnya mestilah dizakatkan walaupun telah berlalu tempoh haul yang panjang. Sekiranya zakat tersebut ditunaikan serta merta apabila mencukupi haul atau tidak memasuki haul yang baharu, maka ia dikira sebagai tunai. Manakala sekiranya ia tidak ditunaikan sehingga memasuki tempoh haul yang berikutnya, maka pelaksanaannya disebut sebagai *qadha'*.

Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) selaku agensi yang telah diberikan amanah bagi memungut zakat di Wilayah Persekutuan turut dengan giat membantu para muzakki untuk melunaskan zakat-zakat yang telah tertunggak.

Oleh itu, kajian dibuat untuk mengenalpasti cara dan mekanisma yang sesuai untuk membantu para amil menjalankan tugas mengutip zakat-zakat yang tertunggak disamping memberikan khidmat nasihat dan konsultasi kepada para muzakki yang berhasrat untuk melunaskan zakat-zakat yang tertunggak.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan yang berikut:

- 1) Apakah yang dimaksudkan dengan *qadha'* zakat dan hukumnya?
- 2) Bagaimana takyif fiqh (penyesuaian fiqh) dalam isu-isu berkaitan *qadha'* zakat?
- 3) Apakah kaedah yang sesuai dalam menyelesaikan zakat-zakat yang tertunggak?

## Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga objektif seperti berikut:

- 1) Menjelaskan definisi dan kewajipan *qadha'* zakat.
- 2) Menjelaskan *takyif fiqhi* (penyesuaian fiqh) terhadap jenis-jenis zakat harta.
- 3) Mencadangkan kaedah taksiran *qadha'* zakat bagi setiap jenis zakat harta terutamanya zakat pendapatan, zakat emas dan perak dan lain-lain.

## Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada *qadha'* zakat harta-harta yang menjadi amalan di PPZ-MAIWP sahaja seperti zakat perniagaan, pendapatan, emas dan perak, wang simpanan, simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan saham serta mencadangkan kaedah taksiran yang bersesuaian dan menentukan nilai kadar yang diwajibkan berzakat bagi setiap harta-harta yang tertunggak tersebut.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi menyediakan panduan pengurusan untuk pihak yang berkepentingan antaranya

- 1) Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Hasil kajian ini menyediakan data dan maklumat yang diperlukan PPZ-MAIWP sebagai panduan dalam melaksanakan pengoperasian *qadha'* zakat di Wilayah Persekutuan.
- 2) Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Hasil kajian ini menyediakan data, fakta dan maklumat kajian yang ringkas dan padat bagi membantu Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam memutuskan kadar *qadha'* zakat yang perlu dilunaskan terhadap individu-individu berkenaan.
- 3) Semua pihak yang terlibat dan mempunyai kepentingan dan relevensi dengan pihak PPZ-MAIWP berkenaan hasil kajian.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan sepenuhnya melalui penelitian dan kajian terhadap kitab-kitab dan karya-karya fiqh klasik dan kontemporari bagi tujuan mencapai objektif kajian dan mengemukakan jawapan dan cadangan kepada permasalahan kajian. Manakala proses istinbat dan istidlal akan digunakan apabila membabitkan nas-nas syarak. Seterusnya memilih pandangan yang dirasakan terbaik dan praktikal bersesuaian dengan keperluan semasa masyarakat bagi menyelesaikan masalah berkaitan *qadha'* zakat.

- 1) Reka Bentuk Penyelidikan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan dilaksanakan dengan berpandukan kepada dapatan maklumat premier yang telah sedia ada dalam penyelidikan sains sosial. Pengumpulan data premier adalah maklumat yang diperolehi secara umum mengenai kajian berkenaan.
- 2) Metode Dokumentasi. Metode dokumentasi digunakan bagi tujuan untuk mengemasarkan lagi struktur kajian supaya lebih tersusun dan sistematik. Antara sumber dokumentasi yang digunakan ialah buku, jurnal, prosiding dan lain-lain. Metode ini digunakan dalam keseluruhan bab kajian.

### Kata Kunci:

Zakat, Qadha, Tunggakan, Taksiran

## Landasan Teori

Zakat merupakan salah satu instrumen penting dalam pembangunan sosial sebuah masyarakat Islam. Kewajipan berzakat ini bukan sahaja diperintahkan kepada individu bahkan penguatkuasaannya juga turut ditekankan kepada pemerintah. Firman Allah s.w.t sebagai perintah kepada RasulNya berbunyi:

*Maksudnya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." [Al-Taubah:103]*

Manakala dipihak muzakki, perlulah bersegera untuk menunaikan zakat apabila harta telah mencapai haul dan nisabnya. Firman Allah s.w.t:

*Maksudnya: "Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya." [Al-An'am:141]*

Tuntutan untuk menyegerakan zakat akan berlaku dalam dua keadaan, iaitu apabila harta yang wajib dizakatkan berada dalam pegangan muzakki dan adanya asnaf yang berhak menerima zakat atau datangnya amil yang bertugas untuk memungut zakat. Apabila ditangguhkan pelaksanaannya tanpa ada sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syarak maka seseorang itu dikira berdosa dan perlu bertanggungjawab hingga zakat itu dilunaskan (Al-Syarbini, 1994).

Zakat yang tertunggak ini masih berstatus hutang yang perlu diselesaikan sama ada harta tersebut masih ada atau tidak. Tuntutan kewajipan ini adalah berpandukan kepada sepotong hadis yang berbunyi:

*Maksudnya: Telah datang seorang lelaki kepada Nabi s.a.w lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia (sedangkan) dia masih berhutang puasa sebulan, apakah perlu saya mengantikannya?" Jawab Baginda s.a.w: "Ya, maka hutang Allah itu lebih utama untuk dilunaskan."*  
*(al-Bukhari, 1422H), (Muslim)*

Berpandukan kaedah qiyas, maka dalil ini telah menjadi asas kepada kewajipan *qadha'* ibadah-ibadah wajib yang telah luput daripada seseorang sama ada ditinggalkan dengan sengaja atau tidak. Bahkan ia telah dianggap sebagai ijmak bagi meng*qadha'* hutang sama ada hutang kepada Allah atau hutang kepada manusia (al-Nawawi, 1392H).

## Definisi Zakat

Perkataan zakat dari sudut bahasa berasal dari kalimah arab *zaka'* (ظاہر) yang bermaksud bertambah (al-Razi, 1999). Dari sudut istilah ia bermaksud kewajipan pada sebahagian harta daripada harta-harta yang tertentu, milik orang-orang yang tertentu (al-Jurjani, 1983).

Mazhab Hanafi memberikan takrif zakat sebagai penetapan sebahagian harta yang diambil daripada harta yang tertentu kepunyaan pemilik yang tertentu (al-Hanafi, 1937). Sementara itu, mazhab Maliki pula mentakrifkan zakat sebagai pengeluaran harta yang tertentu daripada harta yang tertentu (al-Khalwati). Manakala mazhab Shafie mentakrifkan zakat sebagai suatu kadar yang ditentukan daripada harta yang tertentu, wajib keluarkan kepada golongan tertentu mengikut syarat-syaratnya (al-Ghamrawi). Mazhab Hanbali pula mentakrifkan zakat sebagai hak yang diambil daripada golongan tertentu, untuk golongan yang tertentu pada waktu yang tertentu (Ibnu Muflih, 1997).

Walaupun takrif-takrif di atas dinyatakan secara berbeza tetapi kesemuanya menjurus kepada bahawa zakat adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta-harta yang berkembang apabila telah cukup nisab dan haulnya pada kadar yang ditentukan oleh syarak dan diberikan kepada golongan yang tertentu.

## Syarat Wajib Zakat

Secara umumnya mazhab Shafie dan jumhur menetapkan beberapa syarat wajib berzakat sebagaimana seperti berikut (al-Bugha, 1992):

- 1) Islam. Zakat tidak diwajibkan atas orang kafir. Akan tetapi menurut mazhab Shafie seorang muslim yang murtad tetap dituntut menunaikan zakat yang tertunggak semasa masih Islam, tetapi tidak menurut mazhab Hanafi.
- 2) Pemilikan Nisab. Nisab merupakan kadar minimum harta kekayaan seseorang sehingga dikira wajib untuk mengeluarkan zakat. Oleh itu setiap jenis harta yang diwajibkan berzakat itu mempunyai kadar nisab yang berbeza-beza.
- 3) Berlalu Tempoh Haul Setahun Kamariah Ke Atas Harta. Harta seseorang itu seberapa banyak pun yang dimiliki, masih belum diwajibkan berzakat sehingga ianya memenuhi tempoh setahun kamariah dalam pemilikan. Walau bagaimanapun syarat ini dikecualikan pada zakat pertanian, galian dan harta yang tertimbus. Ketiga-tiga jenis harta ini wajib dizakatkan apabila serta merta dituai atau diperolehi.

Oleh yang demikian, seseorang itu diwajibkan berzakat bagi setiap haul yang berlalu pada harta-hartanya. Sekiranya ada diantara haul yang telah berlalu, luput daripada zakat sama ada secara sengaja atau tidak, maka zakat tersebut masih berada dalam tanggungjawab (zimmah) seseorang (al-Zuhaili M. , 2010).

Berakal dan baligh tidak menjadi syarat dalam mazhab jumhur termasuk mazhab Shafie untuk diwajibkan berzakat. Ia diterima sebagai syarat oleh mazhab Hanafi. Oleh itu, jumhur mewajibkan zakat ke atas harta kanak-kanak, orang gila dan juga orang yang telah meninggal dunia sekiranya mati sebelum menunaikan zakat (al-Zuhaili).

## Takrif Qadha'

Perkataan *qadha'* adalah asal kalimah arab *qadha'* (قضاء) yang berakar dari perkataan *qadha-yaqdhi* (قضى - يقضى) yang mempunyai pelbagai maksud seperti memutuskan, kelapangan, bunuh, menunaikan, menyelesaikan dan melaksanakan (al-Razi, 1999).

Manakala dari sudut istilah ulama usul, perkataan *qadha'* bermaksud melaksanakan suatu perkara yang sama seperti yang diwajibkan dengan suatu sebab (al-Barkati, 2003). Sementara dalam perkara-perkara berkaitan ibadat, *qadha'* bermaksud ibadat yang dilaksanakan diluar daripada waktu yang telah ditetapkan (al-Fayumi) dan dalam konteks ini

ia adalah berlawanan kepada *ada'* (إِدَاء) atau pun tunai yang bermaksud melakukan sebahagian atau keseluruhan perbuatan dalam waktunya sebelum tamat (al-Subki, 1999). Sementara Kamus Dewan mentakrifkan *qadha'* sebagai menggantikan fardu yang ketinggalan dan mengqadha' diertikan sebagai melakukan *qadha'* (Noresah Baharom, 2010).

Dalam perbahasan ilmu usul al-fiqh, jumhur ulama usul menetapkan *qadha'* termasuk dalam perbincangan hukum taklifi yang lima dalam perkara wajib. Manakala wajib itu pula terbahagi kepada empat bahagian iaitu (Zaidan, 2006):

- 1) Wajib dari aspek waktu.
- 2) Wajib dari aspek tuntutan perlaksanaan.
- 3) Wajib dari aspek kadar tuntutan.
- 4) Wajib dari aspek perkara yang dilaksanakan.

Perbincangan *al-ada'* (الإِدَاء) iaitu tunai dan *al-qadha'* (قضاء) iaitu *qadha'* tertumpu kepada perkara pertama di atas iaitu wajib dari aspek waktu. Sebagaimana sedia maklum, kewajipan-kewajipan syarak ada diantaranya yang sangat bergantung dengan waktu seperti solat, puasa, haji, korban, zakat fitrah. Oleh itu wajib dari aspek waktu terbahagi kepada dua, *al-ada'* (الإِدَاء) iaitu tunai dan *al-qadha'* iaitu *qadha'*. *Al-ada'* adalah ibadat yang terikat dengan waktu sama ada dilakukan keseluruhannya dalam waktu yang diperintahkan atau sebahagian daripadanya. Contohnya, puasa sebulan yang diwajibkan hanya dikira sebagai *al-ada'* jika dilaksanakan dalam bulan Ramadan. Sekiranya dilaksanakan diluar daripada bulan Ramadan maka ia dikira sebagai *al-qadha'*. Menurut mazhab Shafie, solat sekiranya dilaksanakan sekurang-kurangnya satu rakaat penuh dalam waktunya, dikira sebagai *al-ada'*, sementara mazhab Hanafi cukup sekurang-kurangnya takbiratul ihram itu berlaku dalam waktunya memadai untuk diterima sebagai *al-ada'* tetapi *al-ada'* al-naqis atau tunai yang ada kekurangan (al-Subki, 1999).

Golongan *Hanafiah* membahagikan *al-ada'* dan *al-qadha'* kepada beberapa bahagian seperti berikut (Salman, 1983):

- 1) *Al-ada' al-kamil* (الإِدَاء الْكَامِل). Iaitu suatu kewajipan yang ditunaikan dengan cara yang paling sempurna. Sebagai contoh solat fardu sekalipun sah ditunaikan secara berseorangan, tetapi lebih sempurna apabila ditunaikan secara berjemaah.
- 2) *Al-ada'* yang ada kekurangan. Ini dicontohkan dengan solat berjemaah bagi maknum yang masbuq. Dia hanya mendirikan solat sebahagiannya berjemaah dan sebahagiannya tanpa berjemaah.
- 3) *Al-ada'* yang menyerupai *al-qadha'*. Perkara ini boleh berlaku dalam situasi seseorang yang sedang solat

berjemaah, lalu berhadas dan keluar dari saf untuk berwuduk semula. Apabila masuk semula, didapati solat telah selesai. Maka solatnya secara sendirian selepas berakhirnya jemaah itu dianggap ada' dari aspek waktu pelaksanaannya dan dikira *qadha'* dari aspek terlepas peluang untuk menyempurkan solat dengan mengikut imam.

*Al-qadha'* pada golongan Hanafiah sama seperti jumhur hanyalah terpakai kepada ibadah-ibadah wajib yang terikat dengan waktu sahaja dan ia juga menurut mereka terbahagi kepada tiga bahagian (Salman, 1983):

- 1) *Qadha'* yang menepati logik. Ia seperti seseorang yang ber hutang puasa atau solat, lalu menunaikannya semula secara *qadha'* diluar waktu.
- 2) *Qadha'* yang bercanggah dengan logik. Ini seperti orang tua yang tidak berdaya untuk berpuasa dibulan Ramadan, lalu menggantikannya dengan membayar fidyah.
- 3) *Qadha'* yang memberi maksud ada'. Ia seperti seseorang yang masbuq ketika solat sunat hari raya. Dia hanya dapat bersama imam ketika rukuk, maka dia mengulang-ulang takbir yang asalnya disunatkan ketika berdiri dalam solat hari raya, lalu diqadhakan semasa rukuk. *Qadha'* ini dikatakan menyerupai ada' kerana perbuatan rukuk itu menyerupai qiyam, sehingga dibolehkan untuk bertakbir ketika itu dengan niat *qadha'*.

Kesimpulannya, kedua-dua kelompok jumhur dan Hanafiah bersetuju bahawa semua ibadat wajib yang terikat dengan waktu apabila dilaksanakan dalam waktunya dinamakan sebagai *al-ada'*. Manakala ibadah wajib yang dilakukan selepas waktunya yang asal dinamakan sebagai *al-qadha'*. Sementara ibadah wajib yang tidak terikat dengan waktu boleh disebut sebagai *ada'* dan *qadha'* pada Hanafiah tetapi tidak disebut dengan kedua-dua lafaz pada jumhur. Ini kerana ibadah tersebut tidak tertakluk kepada waktu tertentu yang mengikat pelaksanaannya seperti jihad, amar makruf dan nahi munkar, melunaskan kafarah dan lain-lain lagi.

Melaluiuraian di atas, *qadha'* dalam kerangka padangan jumhur tidaklah memberi implikasi kepada bentuk pelaksanaan suatu ibadat, akan tetapi yang membezakan antara *qadha'* dan tunai adalah waktu pelaksanaannya sahaja. Ini bermakna segala syarat sah dan rukun ibadat tersebut tetap dilaksanakan sebagaimana yang sepatutnya. Bahkan pelaksanaan ibadah *qadha'* perlu disegerakan oleh mukallaf apabila tempoh asalnya telah luput, apatah lagi jika suatu kewajipan itu ditinggalkan dengan sengaja.

Secara ringkasnya ada beberapa sebab yang mempengaruhi peralihan suatu ibadah daripada kategori *ada'* kepada *qadha'*, antaranya adalah disebabkan keuzuran yang diperakui oleh syarak seperti haid dan nifas, musafir, jahil

terhadap hukum, silap memahami hukum, tidur, pengsan, gila, mabuk dan lupa. *Qadha'* juga boleh berlaku tanpa keuzuran seperti meninggalkan ibadat atas faktor cuai atau menolak hukum kefarduan ibadah itu sendiri, maka dalam dua keadaan ini seseorang itu wajib bertaubat dan segera meng*qadha'*kan ibadah yang ditinggalkan tersebut.

Berdasarkanuraian di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa *qadha'* zakat itu bermaksud, menangguhkan pelaksanaan zakat tanpa sebab-sebab keuzuran yang diterima syarak hingga memasuki haul yang baharu.

## BAHAGIAN 2

# Analisis Dan Dapatan Kajian

Bahagian ini mengemukakan hasil dapatan daripada perbincangan lalu. Analisis ini bertujuan untuk menjawab persoalan takyif fiqhi terhadap kewajipan *qadha'* zakat.

## Penggunaan Istilah *Qadha'* Pada Zakat

Perbincangan dalam bab yang lalu telah menghuraikan konsep *qadha'* secara panjang lebar. Rumusannya, istilah *qadha'* itu hanya terpakai dalam kes-kes kewajipan yang terikat dengan waktu permulaan dan waktu pengakhiran. Dalam konteks zakat harta, ia bukanlah ibadat yang disandarkan kepada waktu dari aspek pelaksanaannya, sekalipun sebahagian daripada harta yang diwajibkan berzakat itu terikat dengan kecukupan haul. Penetapan haul disini adalah sebagai syarat untuk harta tersebut dikeluarkan sebagai zakat, bukan penentuan kepada tempoh pelaksanaan.

Zakat sekalipun dituntut untuk disegerakan, tetapi melewatkannya pelaksanaannya tidak menjadikannya *qadha'* kerana tiada penetapan waktu tertentu atau tempoh yang tertentu (al-Ghazali, 1993). Walau bagaimanapun melewatkannya zakat tanpa sebab adalah berdosa dan sekiranya harta yang wajib dizakatkan tersebut telah luput, beban kewajipan masih belum terangkat sehingga zakat ditunaikan (Al-Syarbini, 1994) dan ini juga pandangan jumhum kecuali mazhab Hanafi yang berpandangan tidak dituntut untuk disegerakan (al-Nawawi A. Z.-D., 2001).

Walaupun istilah *qadha'* digunakan secara meluas untuk merujuk kepada kewajipan yang ditunaikan diluar daripada waktunya yang sebenar, akan tetapi penggunaan istilah *qadha'* zakat dilihat kurang bertepatan dengan kaedah ilmu usul fiqh yang telah dibincangkan. Justeru itu, dicadangkan agar istilah *qadha'* zakat yang bermaksud melunaskan zakat yang masih belum ditunaikan pada waktu yang terkemudian dirujuk dengan istilah ‘tunggakan zakat’. Penggunaan istilah ini dilihat lebih lunak dan mesra pelanggan, terutamanya bagi mereka yang mempunyai tunggakan zakat untuk beberapa tahun. Dari sudut persepsi, penggunaan istilah *qadha'* akan difahami dengan imej melakukan kesalahan dan ia seboleh-bolehnya mahu dielakkan oleh para muzakki. Berbanding dengan istilah tunggakan yang kedengaran agak lunak sekalipun tiada memberi sebarang perubahan pada

status hukum. Ini juga akan dapat membantu pihak PPZ meningkatkan kesedaran masyarakat untuk melunaskan zakat-zakat yang masih tertunggak.

## Hukum Mengqadha'kan Zakat

Zakat adalah kewajipan pada harta yang tidak akan gugur daripada seseorang apabila wajib ke atasnya dengan syarat-syarat yang tertentu. Inilah pandangan para jumhum yang menyatakan bahawa zakat itu diambil daripada harta kanak-kanak, orang gila dan orang yang telah meninggal dunia.

Tiada khilaf tentang kewajipan *qadha'* zakat bagi yang luput untuk satu atau beberapa haul (al-Nawawi A. Z.-D., 2001). Ibn Hazm menyatakan bahawa sesiapa yang telah terkumpul pada hartanya dua zakat sedangkan keadaan dia masih hidup maka hendaklah ditunaikan zakat itu kesemuanya bagi setiap tahun dengan kadar yang wajib ke atasnya pada setiap tahun tersebut. Ini berlaku sama ada disebabkan hartanya hilang, lewatnya pemungut zakat (yang dilantik oleh pemerintah untuk memungutnya), ataupun disebabkan kejahilan dirinya dan seumpama dengannya (al-Andalus).

Dalil kepada perintah ini adalah berpandukan dalil asal kewajipan zakat itu sendiri dan *qadha'* itu tidak memerlukan kepada dalil yang baharu untuk mewajibkannya. Ini merupakan pandangan majoriti Hanafiah, sebahagian daripada Shafi'iyyah, Hanabilah dan kebanyakkan ulama hadis. Hujah mereka adalah berpandukan kepada qiyas sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t (Salman, 1983):

***Maksudnya: Sesiapa yang diantara kalian sakit atau dalam perjalanan, maka hendaklah menggantikannya pada hari-hari yang lain.***

Dalam ayat di atas, perintah puasa yang wajib ditunaikan pada bulan Ramadan telah diberikan rukshah atau keringanan kepada orang yang sakit dan yang dalam perjalanan untuk meninggalkannya. Rukshah ini tidak bersifat muktamad kerana puasa tersebut masih wajib untuk diganti pada bulan yang lain sekiranya telah sembuh daripada keuzuran atau kembali bermukim atau bermastautin.

**Maksudnya:** *Telah bersabda Rasulullah s.a.w: "Apabila tertidur seseorang daripada kamu daripada solatnya atau terlupa, maka hendaklah dia segera bersolat apabila mengingatinya, kerana sesungguhnya Allah s.wt berfirman: Dirikanlah solat untuk mengingati-Ku." (Muslim)*

Hadis di atas juga merupakan dalil yang boleh difahami secara qiyas bahawa jika seseorang itu boleh sahaja diwajibkan untuk solat apabila tertidur dan terlupa, sudah tentu orang yang meninggalkannya dengan sengaja lebih wajib untuk dituntut. Ini disebut sebagai al-qiyas al-aula kerana illah hukum lebih kuat kepada furu' berbanding perkara asal. Menurut pandangan ini, sekiranya perkara yang dituntut untuk diqadha' itu memerlukan dalil baharu yang lain, sudah tentu ia dianggap sebagai 'ada dan bukannya qadha' (Salman, 1983).

## Ancaman Keengganan Menunaikan Zakat

Keengganan menunaikan zakat atau melunaskan tunggakan zakat adalah maksiat yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Firman Allah Taala:

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya (menunaikan zakatnya) pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Surah At-Taubah :34)*

Mengabaikan kewajipan berzakat bukan sahaja merupakan maksiat semata-mata, bahkan ia juga termasuk dalam kategori dosa-dosa besar yang tidak terampun kecuali dengan menunaikan kefarduannya dan bertaubat atas kelewatan menyelesaiannya. Al-Quran sendiri telah menggelarkan golongan ini sebagai musyrik (al-Zahabi) berdasarkan firman Allah Taala:

**Bermaksud :** *dan celakalah ke atas golongan musyrikin iaitu mereka yang tidak membayar zakat dan mereka kufur dengan hari qiamat.*  
*(Surah Fussilat: 6- 7)*

Sabda Nabi s.a.w dalam sepotong hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, yang berbunyi:

**Maksudnya:** *"Tiada seorang pun yang mempunyai emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat dijadikan hartanya itu kepada beberapa keping api neraka, lalu dicelup kedalam api neraka jahanam, lantas digosok (dengan kepingan) lambungnya, dahinya dan*

*belakangnya. Setiap kali ia sejuk dipanaskan semula. (Seksaan ini berterusan) sepanjang hari yang lamanya menyamai 50 ribu tahun sehingga Allah memutuskan segala perkara yang berkaitan dengan sekalian hamba. (setelah itu) ditentukanlah nasibnya sama ada ke syurga atau ke neraka."*  
*(Muslim)*

Kedua-dua nas di atas hanya sebahagian daripada nas-nas yang merujuk kepada ancaman terhadap mereka yang enggan menunaikan zakat atau melunaskan tunggakannya. Ternyata ancaman yang menanti adalah sesuatu yang amat berat dan menakutkan. Bahkan sejarah Islam juga telah merakamkan ijmak sahabat (al-Syaukani) atas tindakan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a yang telah melancarkan perperangan terhadap mereka yang enggan menunaikan zakat dengan alasan ia sebagai harta yang hanya perlu ditunaikan kepada Baginda Rasulullah s.a.w sahaja.

## Cara Mengqadha'kan Zakat

Tiada kaedah khusus yang dinyatakan oleh para fuqaha pada cara melunaskan zakat yang tertunggak melainkan ianya dilunaskan dengan segera dan mengikut jenis harta zakat yang tertunggak tanpa dikenakan sebarang tuntutan yang lebih ke atas harta tersebut atau didenda (al-Nawawi A. Z.-D., 2001). Jika emas dan perak maka dilunaskan mengikut nilai emas dan perak. Jika zakat pertanian maka dilunaskan mengikut nilainya atau jumlah timbangan hasil pertanian jika dituai pada haul berikutnya.

Jumhur ulamak bersepakat bahawa zakat adalah kewajipan yang mesti disegerakan. Ini bermaksud sebarang perkara yang berlaku ke atas sesuatu harta setelah mencapai nisab tidak menjelaskan kewajipan tersebut sama ada harta itu rosak, hilang atau sekalipun jika seorang muzakki itu jatuh miskin sesudah itu ataupun meninggal dunia. Begitu juga sekiranya telah berlalu ke atas hartanya beberapa tahun dan dia masih belum menunaikan zakatnya maka menjadi kelaziman ke atas dirinya untuk menunaikan zakat yang tertunggak itu bagi kesemua tahun-tahun yang telah berlalu itu sama ada dia mengetahui akan kewajipan berzakat ataupun tidak (al-Nawawi A. Z.-D., 2001). Ini bermaksud tidak memadai zakat dilunaskan sekali sahaja dengan menilai kekayaan terkini yang dimiliki dan dibayar sekaligus untuk kesemua haul.

Sebagai contoh sekiranya seseorang tidak mengeluarkan zakat selama sepuluh tahun daripada hartanya yang telah mencukupi nisab, maka dia wajib mengeluarkan zakat untuk tiap-tiap tahun yang telah berlalu itu mengikut kadar nisab yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa.

Dipihak penyelidik, pendekatan untuk mempermudahkan para muzakki dalam menunaikan kewajipan mereka adalah

keutamaan disamping mengambil kira juga keupayaan para amil dalam melakukan pengiraan, terutama jika melibatkan jumlah harta yang besar dan tempoh tunggakan yang lama. Ini kerana zakat itu merupakan hak Allah dan hak Allah itu dibina berdasarkan kemudahan (al-Latif, 2003).

## Tunggakan Zakat Emas Dan Perak

Tunggakan zakat emas dan perak mestilah dilunaskan mengikut kadar yang diwajibkan bagi setiap haul yang telah berlalu dengan jumlah kadar yang diwajibkan adalah sebanyak 2.5 peratus (2.5%) daripada emas dan perak yang dimiliki melebihi nisab.

Oleh itu bagi emas dan perak, jumlah tunggakan yang perlu dijelaskan adalah mengikut berat emas dan perak yang perlu dikeluarkan pada tahun wajib. Sekiranya zakat itu ingin dijelaskan dalam bentuk matawang, ia perlulah dinilai dengan nilai emas dan perak pada tahun wajib juga. Contohnya, seorang pembayar zakat ingin menjelaskan zakat simpanan emasnya yang tertunggak pada tahun 2013 dan berat emas yang disimpan pada ketika itu adalah 90 gram maka dia wajib mengeluarkan emas seberat 2.25 gram ataupun jika ingin dijelaskan dalam bentuk matawang Malaysia, jumlahnya adalah RM 372.33 dengan mengambil kira harga emas pada tahun itu adalah RM 165.48 segaram. Begitulah juga kiraanya bagi tiap-tiap tahun yang tertunggak.

## Tunggakan Zakat Harta Selain Emas Dan Perak

Bagi harta-harta zakat selain emas dan perak, seperti perniagaan, wang simpanan, pendapatan, saham dan KWSP jumlah yang wajib dikeluarkan adalah sebanyak 2.5 peratus (2.5%) daripada jumlah keseluruhan atau terkumpul bagi setiap tempoh haul yang melebihi nisab bagi tahun ia diwajibkan. Kiraan ini juga dibuat dengan mengambil kira penolakan *hawaij asliyyah* yang dibenarkan bagi setiap tahun tersebut untuk pengiraan zakat pendapatan.

Contohnya, jika seseorang mempunyai pendapatan tahunan sebanyak RM 120,000 bagi tahun 2010 yang belum ditunaikan zakatnya. Maka kiraan zakatnya hendaklah dibuat berdasarkan nisab tahun tersebut yang berjumlah RM 9,300 dan penolakan *hawaij asliyyah* seperti berikut:

ITEM PENOLAKAN YANG DIBENARKAN	RM
Diri sendiri	8,000
Isteri	3,000 (seorang)
Anak	1000 (seorang)
Ibu Bapa	Jumlah sebenar
KWSP	Jumlah sebenar
Caruman kepada organisasi yang membayar zakat bagi pihak pencarum	Jumlah sebenar

Hasil daripada penolakan ini yang kemudiannya akan dikeluarkan sebagai zakat bagi tahun tertunggak tersebut dengan kadar 2.5 peratus. Maka begitulah kiraannya untuk setiap tahun yang tertunggak.

Adalah paling baik bagi para muzakki untuk merujuk terlebih dahulu pusat-pusat zakat negeri bagi mendapatkan pencontoh (template) kiraan zakat bagi tahun-tahun terdahulu untuk membantu taksiran zakat yang tertunggak.

## Tunggakan Zakat Bagi Harta Yang Tidak Diketahui Jumlahnya

Kadang-kadang terdapat sebahagian daripada muzakki yang mahu melunaskan zakat yang tertunggak. Akan tetapi timbul masalah kerana muzakki tersebut tidak tahu secara pasti berapa jumlah pendapatan yang dimiliki untuk setiap tahun yang telah berlalu itu kerana tidak memiliki penyata pendapatan atau hilang jika bekerja makan gaji atau juga tidak memiliki penyata aliran tunai yang jelas untuk dipastikankekayaan yang dimiliki pada masa lalu.

Maka dalam masalah ini, zakat hendaklah dikutip daripada kekayaan yang diyakini oleh muzakki atau wang simpanan yang dimiliki dengan merujuk kepada penyata bank bagi tiap-tiap tahun yang tertunggak kerana wang yang tersimpan itu adalah lebih diyakini sebagai kekayaan yang dimiliki. Kaedah fiqh ‘keyakinan tidak berubah dengan syak’ hendaklah digunakan dalam konteks ini untuk membantu para muzakki menunaikan kewajipan mereka yang tertunggak.

## Zakat Dan Nilai Inflasi

Tidak sewajarnya nilai tunggakkan zakat dinilaikan pada tahun semasa pembayaran atau disandarkan pada perubahan kadar inflasi. Jika dinilai nisab dan kadar yang wajib dikeluarkan sebagai zakat mengikut tahun semasa ke atas kekayaan masa lalu, ada kemungkinan seseorang itu tidak wajib berzakat. Oleh itu, untuk bersikap adil dan lebih yakin maka zakat yang tertangguh dinilai mengikut kadar nisab dan jumlah yang wajib dikeluarkan mengikut haulnya yang tertunggak.

Pandangan ini diambil dengan bersandarkan kepada beberapa alasan, iaitu yang pertama berdasarkan kepada kaedah fekah yang menyatakan iaitu ‘asal hukum bagi sesuatu perkara adalah kekal seperti sebelumnya’. Ini bermakna, jumlah zakat tertunggak yang ingin dijelaskan adalah kekal seperti tahun ia wajib dikeluarkan.

Kedua, tunggakkan zakat merupakan tanggungan harta yang perlu dilunaskan maka ia menyerupai tanggungan hutang yang perlu dijelaskan berdasarkan jumlah sebenar hutangnya sahaja. Sekiranya jumlah yang dituntut ke atas pembayaran balik hutang melebihi hutang sebenar, lebih baik itu adalah satu bentuk riba.

Selain itu, nilai tunggakkan zakat yang disesuaikan dengan kadar inflasi yang boleh berubah menyebabkan wujudnya ketidaktentuan pada kadar sebenar yang perlu dijelaskan oleh pembayar zakat. Oleh itu nilai zakat tertunggak perlulah diambil daripada nilai asal yang perlu ditunaikan pada tahun wajib bagi mengelakkan unsur riba dan gharar.

Alasan ketiga adalah tindakan Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang hanya mengambil harta zakat yang tertunggak daripada mereka yang enggan membayar zakat semasa pemerintahan beliau tanpa perlu mengambil lebih daripada yang sepatutnya.

Manakala hadis yang menjelaskan bahawa diambil sebahagian daripada harta orang yang enggan mengeluarkan zakat telah ditakwil dengan beberapa takwilan. Sabda Rasulullah s.a.w:

*Maksudnya: “Bagi unta yang makan di padang ragut, setiap 40 ekor (perlu dizakatkan) seekor yang cukup usia dua tahun dan tidak terkecuali unta yang diupah penjagaannya. Sesiapa yang enggan mengeluarkan zakat daripadanya, maka sesungguhnya kami akan mengambil sebahagian daripada untanya sebagai satu hak daripada hak-hak Tuhan kami dan ia tidak halal sedikit pun kepada ahli keluarga Muhammad s.a.w.” (al-Nasaie, 1986)*

Terdapat beberapa pandangan berkenaan hadis ini, antaranya ialah ketetapan ini hanyalah pada zaman awal Islam yang mengenakan hukuman berbentuk harta bagi dosa yang dilakukan. Begitu juga ditakwilkan “شطر إبله” sebagai bahagian harta yang paling baik. Oleh itu, hadis ini bermaksud hanya jumlah zakat yang wajib dikeluarkan akan diambil dan ianya daripada jenis yang paling baik.

## Ansuran Tunggakan Zakat

Apabila tunggakkan zakat pada setiap tahun dikira dan dijumlahkan, maka ia wajib dilunaskan dengan segera. Sekiranya tidak mampu dilunaskan sekaligus, kewajipan tidak akan gugur bahkan zakat dikeluarkan secara ansuran mengikut kemampuan sehingga ia selesai. Sekiranya muzakki meninggal dunia sebelum sempat melunaskan zakatnya, tunggakan zakatnya hendaklah terlebih dahulu dikeluarkan daripada harta peninggalannya sebelum diaghikkan sebagai pusaka.

Oleh itu, pihak pengurusan zakat perlu menyediakan suatu sistem yang dapat merekodkan bayaran ansuran zakat ini supaya dapat dirujuk oleh muzakki dan juga waris sekiranya muzakki meninggal dunia sebelum sempat melunaskan kesemua zakatnya yang tertunggak.

## Sedekah Untuk Menampung Kekurangan Zakat

Sedekah tidak dapat menggantikan tunggakan zakat seseorang akan tetapi dalam keadaan tertentu, ada dalam kalangan muzakki yang tidak berpuashati terhadap jumlah zakat yang dilunaskan secara tunggakan. Ini berlaku apabila nilai kekayaan lampau tidak dapat ditentukan secara tepat. Justeru, bagi menampung kekurangan tersebut para muzakki dinasihatkan agar memperbanyakkan sedekah sekiranya mampu jika masih kurang berpuashati terhadap tunggakan yang dilunaskan.

## BAHAGIAN 3

### Kesimpulan

Kajian ini adalah kajian perpustakaan sepenuhnya bagi mengenalpasti hukum *qadha'* zakat dan cara perlaksanaannya. Bagi tujuan tersebut, maka kajian ini tampil untuk menjelaskan definisi *qadha'* dan kewajipan *qadha'* zakat, menghuraikan takyif fiqh (penyesuaian fiqh) terhadap jenis-jenis zakat harta dan selanjutnya mencadangkan kaedah taksiran *qadha'* zakat bagi setiap jenis zakat harta terutamanya zakat pendapatan, zakat emas dan perak dan lain-lain.

Kajian ini telah memfokuskan kepada *qadha'* zakat harta-harta yang menjadi amalan di PPZ-MAIWP sahaja seperti zakat perniagaan, pendapatan, emas dan perak, wang simpanan, simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan saham serta mencadangkan kaedah taksiran yang bersesuaian dan menentukan nilai kadar yang diwajibkan berzakat bagi setiap harta-harta yang tertunggak tersebut.

*Qadha'* dalam perbahasan ilmu usul fiqh termasuk dalam perbincangan hukum taklifi yang merangkumi wajib, haram, sunat, makruh dan harus. *Qadha'* termasuk dalam kategori wajib yang berkait rapat dengan tuntutan kewajipan yang terikat dengan waktu. Lawan kepada *qadha'* adalah ‘ada atau tunai. Secara ringkasnya, suatu ibadat yang dilaksanakan dalam waktunya yang ditetapkan disebut sebagai tunai dan yang ditunaikan di luar waktunya disebut sebagai *qadha'*. Oleh kerana zakat harta tidak termasuk dalam kategori kewajipan yang terikat dengan waktu, maka *qadha'* zakat itu bermaksud melunaskan tunggakan zakat yang tertangguh sama ada disebabkan oleh keuzuran ataupun tidak. Justeru itu, istilah yang lebih sesuai digunakan dalam konteks *qadha'* zakat ini adalah tunggakan zakat.

Majoriti ulama sepakat mengatakan bahawa zakat harta yang telah cukup nisab dan haul yang tidak ditunaikan bagi beberapa tahun masih dikira kewajipan yang tertangguh. Kewajipan ini masih dituntut sekalipun jika harta tersebut telah habis dibelanjakan atau muzakki jatuh miskin. Sekiranya seseorang itu meninggal dunia dengan masih ada tunggakan zakat, maka zakat tersebut hendaklah diambil daripada harta pusakanya sebelum difaraidkan kepada para waris.

Syarik memandang berat keengganan mereka yang berharta untuk membayar zakat. Perbuatan ini termasuk dalam dosa-dosa besar jika dilakukan dengan sedar dan

sengaja. Oleh yang demikian, mereka yang mempunyai kesedaran untuk melunaskan zakat yang tertangguh, perlulah mengiringinya dengan taubat yang benar agar kecuaian masa lampau mereka diampuni Allah s.w.t.

Persoalan timbul dalam menyelesaikan zakat yang tertangguh, sama ada ditunaikan sekaligus pada bagi keseluruhan harta pada haul yang terakhir sahaja, atau perlu dilunaskan bagi setiap haul yang tertunggak. Begitu juga nisab dan kadar wajib yang dikenakan ke atas kekayaan yang dimiliki, sama ada mengikut kiraan nisab dan kadar bagi haul yang tertangguh, atau mengikut nisab dan kadar bagi haul semasa zakat dilunaskan. Untuk menyelesaikan persoalan tersebut, maka kadar nisab dan jumlah yang wajib dikeluarkan hendaklah berpandukan tahun wajib, iaitu bagi setiap tahun yang tertangguh dan bukanlah pada tahun semasa zakat dilunaskan. Contohnya, jika zakat yang tertunggak pada tahun 2010 dilunaskan pada tahun 2017, maka nisab dan jumlah yang wajib dilunaskan hendaklah dirujuk kepada tahun 2010. Ini lebih adil dan hampir kepada yakin pada kekayaan yang dimiliki dan memudahkan para muzakki menunaikan kewajipan mereka. Sekiranya nisab dan kadar wajib tahun semasa digunakan, ada kemungkinan pihak muzakki terlepas daripada tanggungjawab membayar zakat. Sekiranya zakat yang tertangguh dikeluarkan dan dinilai berpandukan nilai inflasi kerana susut nilai yang berlaku pada mata wang, maka dalam hal ini ia mendedahkan zakat itu kepada riba dari aspek hutang kepada asnaf dan dalam masa yang sama gharar akibat ketidaktentuan nilai inflasi dalam sesebuah negara. Justeru itu, zakat yang tertangguh untuk satu atau beberapa haul perlu ditunaikan dengan sesegera mungkin dan dibayar sekaligus jika mampu. Jika tidak, maka wajib dibayar secara ansuran sehinggalah jumlah yang tertunggak dijelaskan sepenuhnya. Dalam masa yang sama perlu diwujudkan mekanisma yang dapat membantu para muzakki atau waris untuk melunaskan zakat secara ansuran. Sementara itu, para muzakki yang punya kesedaran untuk melunaskan zakat yang tertunggak hendaklah mengiringi kesedaran tersebut dengan taubat kerana cuai dalam menyegerakan kewajipan berzakat sehingga harta yang dimilikinya itu telah melalui lebih daripad satuh haul. Para muzakki dianjurkan untuk bersedekah jika merasakan masih ada kekurangan pada zakat yang ditunaikan. Ini terutamanya dalam keskes harta zakat yang tidak dapat dibuat anggaran dengan tepat.

## Cadangan

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian di atas, beberapa cadangan seperti berikut dikemukakan kepada pihak institusi zakat :

- 1) Menjelaskan kepada masyarakat tentang konsep tunggakan zakat dan tuntutan pelaksanaannya walaupun telah berlalu beberapa tempoh secara sengaja atau tidak dengan merujuk kepada hak Allah yang telah ditetapkan kepada para asnaf.
- 2) Mengenalpasti kaedah kempen dan promosi sama ada melalui media cetak, elektronik, media sosial dan lain-lain sarana yang bersesuaian dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang kewajipan berzakat dan keutamaan melunaskan kewajipannya yang tertunggak.
- 3) Mengenalpasti golongan sasar yang berpotensi untuk mempunyai tunggakan zakat agar kempen yang dilaksanakan berkesan dan sampai kepada golongan sasaran dengan tujuan membantu mereka melaksanakan kewajipan.
- 4) Mewujudkan mekanisma yang dapat membantu mempermudahkan kaedah kiraan bagi tunggakan zakat untuk tahun-tahun yang telah berlalu jika perlu dan mewujudkan sistem rekod bagi menjelaskan tunggakan zakat secara ansuran.
- 5) Mewujudkan tabung sedekah atau kemudahan lain untuk membantu para muzakki menyalurkan sumbangan bagi menampung kekurangan yang ada pada pelaksanaan zakat mereka.

## Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Mengenai Hukum Dan Kaedah Taksiran *Qadha' Zakat* (Tunggakan Zakat)

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-110 pada 21 September 2018 di Dewan Syura, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan; Agenda 3.2: Kertas Kerja Bil. 2/110/2018 iaitu Cadangan Fatwa Mengenai Hukum Dan Kaedah Taksiran *Qadha' Zakat* (Tunggakan Zakat).

Mesyuarat telah meneliti kertas cadangan ini dan membuat keputusan bersetuju supaya harta yang belum dibayar zakat hendaklah dibayar zakatnya dengan mengambil kira nisab zakat pada tahun tersebut (tahun yang ditinggalkan).


## RUJUKAN

- Al-Andalusi, A. M. (t.t). Al-Muhalla Bi al-Athar. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Barkati, M. A.-I.-M. (2003). Al-Takrifat al-Fiqhiyyah. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bugha, M. (1992). Al-Fiqh Al-Minhaji Ala' Mazhab al-Imam al-Shafie. Damsyik: Dar al-Qalam Li al-Tibaah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi'.
- Al-Bukhari, M. A. (1996). Taysir al-Tahrir. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, M. B. (1422H). Sahih al-Bukhari. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Fayumi, A. B. (t.t). Al-Misbah al-Munir Fi Gharib al-Sharh al-Kabir. Beirut: Al-Maktabah Al-Ilmiyyah.
- Al-Ghamrawi, M. A.-Z. (t.t). Al-Siraj al-Wahhaj 'Ala Matn al-Minhaj. Beirut: Dar al-Ma'rifah Li al-Tibaah Wa al-Nashr.
- Al-Ghazali, A. H. (1993). Al-Mustasfa. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Hanafi, A. B.-D.-F. (1937). Al-Ikhtiyar Li Ta'lil al-Mukhtar. Kaherah: Maktabah al-Halabi.
- Al-Jurjani, A. B. (1983). Al-Ta'rifaat. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khalwati, A. A.-'. (t.t). Hasyiah al-Sawiy 'Ala Sharh al-Saghir. Dar al-Ma'arif.
- Al-Latif, 'A.-R.-'. (2003). Al-Qawaaid Wa al-Dhawabit al-Fiqhiyyah al-Mutadhamminah Li al-Taysir. Al-Madinah al-Munawwarah: Al-Jamiah al-Islamiah Bi al-Madinah al-Munawwarah.
- Al-Nasaie, A. '.-R. (1986). Sunan al-Nasai. Halab: Maktabah al-Matbuat al-Islamiah.
- Al-Nawawi, A. Z.-D. (1392H). Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin . Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Nawawi, A. Z.-D. (2001). Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Al-Razi, Z. A.-D. (1999). Muhktar al-Sahhah. Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Subki, T. A.-D.-W.-K. (1999). Man'u al-Mawani' 'An Jam'u al-Jawami' Fi Usul al-Fiqh. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Syarbini, S. A.-D.-K. (1994). Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Maa'ni Alfaz al-Minhaj. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syaukani, M. B. (t.t). Al-Sail al-Jarrar al-Mutadaffiq 'Ala Hadaiq al-Azhar. Dar Ibn Hazm.
- Al-Tabarani, S. B. (1994). Al-Mu'jam al-Kabir. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiah.
- Al-Zahabi, S. A.-D. (t.t). Al-Kabair. Beirut: Dar al-Nadwah al-Jadidah.
- Al-Zuhaili, M. (2010). Al-Mu'tamad. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, W. B. (t.t). Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibnu Muflih, I. B. (1997). Al-Mubdi' Fi Sharh al-Muqni'. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad, O. R. (2012). *Qadha'* al-Fawait Min al-Zakah. Majallah Kulliyah al-Tarbiyah al-Asasiyyah, 153-177.
- Muslim, M. B.-H. (t.t). Sahih Muslim. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Noresah Baharom. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salman, N. A. (1983). *Qadha'* al-'Ibadat Wa al-Niyabah Fiha. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Zaidan, 'A.-K. (2006). Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh. Beirut: Muassah al-Risalah.





ISBN 978-967-14685-9-3



9 789671 468593

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT  
Wisma PPZ, 68-1-6,  
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,  
Taman Shamelin Perkasa,  
56100 Kuala Lumpur.

TALIAN ZAKAT  
**1300 88 5757**



[www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my)



MS ISO 9001 : 2015  
CERT NO. : MY-AR 2514



MS ISO/IEC GUIDE 22 / IEC  
QS 02121959 CB 01  
MS ISO 9001 : 2015  
CERT NO. : MY-AR 2514